

05/12/1997

Pulau Pinang tetapkan sasaran tanam pokok

GEORGETOWN, Khamis - Pulau Pinang menetapkan sasaran untuk menanam sejumlah 180,000 pokok menjelang tahun 2000 dengan rancangan menanam kira-kira 50,000 pokok setahun.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Alam Sekitar negeri, Datuk Abdul Rashid Abdullah, berkata daripada jumlah itu, setakat Oktober tahun ini sebanyak 33,769 pokok atau 67.5 peratus pokok sudah ditanam.

Beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Lanskap Negeri, berkata jumlah berkenaan, tidak termasuk tanaman pokok renek sebanyak 54,589 pokok.

Menurutnya, usaha itu juga selaras dengan sasaran negara untuk menanam 20 juta pokok menjelang 2020 dan tiga juta pokok pada tahun 2000.

"Oleh itu, jawatankuasa lanskap negeri akan menjadi penyelaras dan mengawasi perancangan dan penyeliaan program pengindahan dan penanaman pokok berkenaan," katanya di sini.

Rashid berkata, oleh kerana ini adalah tahun pertama sejak kempen menanam pokok dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 3 Mac lalu, angka pokok yang ditanam akan meningkat pada tahun yang akan datang.

Beliau berkata, program penanaman dan pengindahan pokok akan dijalankan secara lebih terancang, meluas, intensif dan daripada perspektif menyeluruh.

Menurut beliau, melalui usaha jawatankuasa lanskap negeri, program dijangka dapat digubal dan diselaras dengan lebih baik lagi.

"Buat permulaan semua pejabat daerah dan agensi berkaitan sudah diminta mengemukakan cadangan projek yang akan dilaksanakan dan mengenal pasti projek baru untuk dipertimbangkan," katanya.

Sehubungan itu, katanya, Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Majlis Perbandaran Seberang Prai (MPSP) dan Jabatan Perancang Bandar dan Desa kini sedang dalam penyediaan Buku Panduan Penanaman Pokok.

Beliau berkata, majlis perbandaran dan Jabatan Perhutanan sebagai penggerak utama kempen itu akan meneruskan dengan projek pengindahan dan tanaman pokok yang diuruskan sendiri atau melalui kontraktornya.

Menurutnya, sumbangan pokok serta khidmat nasihat juga diberi kepada agensi lain di samping mengadakan kempen menanam pokok bersama badan sukarela dan dengan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK), persatuan penduduk, dan Rukun Tetangga melalui program bersih dan indah.

Pihak pemaju juga disyaratkan menanam dan melanskap projek perumahan mereka, begitu juga dengan Jabatan Perhutanan turut terbabit dalam pembekalan pokok teduhan melalui projek hutan bandar.

(END)